

# 2011 tahun cemerlang UMS

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
nikjasni.ub@gmail.com  
UB 26/12/2011 B3

DITUBUHKAN pada 1994, tidak dapat dinafikan bahawa kewujudan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di negeri ini telah membawa banyak perubahan dan manfaat sama ada dari aspek pendidikan, ekonomi maupun sosial.

Selama 17 tahun mewarnai arena sektor pengajian tinggi negara dengan menjadikan pendidikan sebagai teras utama ‘perniagaannya’, tahun 2011 menyaksikan beberapa perkara besar berlaku dalam kalender universiti terbabit yang kini semakin gah dalam arena pendidikan global sebagai universiti yang aktif dalam penyelidikan dan turut menjadi tumpuan pelajar seluruh dunia.

## HAMPIR 5,000 SISWA BARU

UMS tahun ini menerima seramai 4,437 pelajar baru Malaysia dan 135 pelajar dari China, Brunei (9) dan Turki (2), menjadikan jumlah pelajar sesi 2011/2012 adalah seramai 4,583 orang.

UMS ketika ini mempunyai cawangannya di Labuan iaitu Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Kampus Cawangan Sandakan, Pusat Penyelidikan di Banjaran Crocker di Kimanis, Pusat Khidmat Kesihatan di Matunggong, Kudat dan Pusat Penyelidikan Marin di Semporna.

Sementara itu, UMS juga sedang meningkatkan usaha meeka untuk mewujudkan sebuah Hospital Universiti bagi melengkapkan kewujudan Sekolah Perubatan UMS yang kini telahpun memiliki bangunan baru, selain komited untuk membangunkan



TERUS CEMERLANG ... UMS terus cemerlang seiring motonya, Bertekad Cemerlang.

Pusat Asasi Sains di Keningau.

UMS juga telah menyusun buka panduan ‘Etiquette’ yang mengandungi etika ketepatan masa, nilai moral kehidupan, kenegaraan, saling menghargai dan tatasusila berbahasa untuk dijadikan garis panduan oleh mahasiswa universiti itu.

Konvokesyengilang-gemilang. Majlis Konvokesyen ke-13 UMS pada tahun ini menyaksikan seramai 4,484 graduan universiti itu menamatkan pengajian dan menerima sijil masing-masing meliputi peringkat diploma, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah.

Berdasarkan data Sistem Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dibuat selepas enam bulan pelajar menamatkan pengajian mereka, 55 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan membolehkan UMS mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kebolehpasaran graduan sebanyak 86.2 peratus.

Seramai 72 pelajar mendapat Ijazah Kelas Pertama, malah UMS juga meraikan 60 graduan sulung Kejururawatan



BARU ... Sesi pengenalan pegawai UMS kepada mahasiswa baru 2011/2012.

dan Teknologi Makmal Perubatan.

Tahun ini, dua pelajar UMS menerima Ijazah Kehormat, 16 orang Ijazah Doktor Falsafah, 273 graduan Ijazah Sarjana, 4,052 penerima Ijazah Sarjana Muda, dan lima graduan Ijazah Sarjana Muda (Posthumous).

## UMS DI FACEBOOK DAN YOUTUBE

Tahun ini menyaksikan peningkatan kedudukan laman web UMS di tangga ke 1,419 dalam Webometric sebagai laman yang sentiasa diakses berbanding di kedudukan 4,000 lima tahun lepas.

UMS juga tidak ketinggalan menggunakan

kemudahan laman sosial ‘facebook’ untuk berinteraksi dengan masyarakat dunia manakala video-video berkaitan dengan aktiviti UMS pula dimuatnaik pada laman YouTube.

UMS telah melancarkan laman web baru mereka pada September lepas selepas diperbaharui buat kali terakhir pada 1 Julai 2009.

## TUN JUHAR CANSELOR BARU UMS

Tahun 2011 juga menyaksikan Yang Dipertua Negeri yang baru, Tun Juhar Mahiruddin dilantik sebagai Canselor UMS yang baru menggantikan Tun Ahmadshah Abdullah. Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman dan Pengasas YTL Corporation, Tan Sri Dr. Yeoh Tiong Lay kekal sebagai Pro Canselor UMS.

Sementara itu, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur pula dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) menggantikan Prof Dr Amran Ahmed yang bertukar ke jawatan Timbalan Naib



ANGKAT SUMPAH ... Sebahagian daripada 4,853 pelajar UMS ketika sesi mengangkat sumpah AkuJanji di Dewan Canselor UMS pada September lepas.

telah menandatangi MoU kerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) selain beberapa agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

## UMSLINK-GOLDENMAS DEVELOPMENT

UMS Link Holdings Sdn Bhd tahun ini telah menandatangi MoU dengan Goldenmas Development Sdn Bhd meliputi urusan pembelian, bina, pajak dan pindah milik.

Merupakan urusniaga pertama seumpamanya melibatkan syarikat universiti awam di Malaysia, projek UMS Link International Precinct Project (UIP) bernilai RM172 juta akan bermula pada April 2012 dan dijangka siap pada 2015 atas kawasan seluas lima ekar di tanah komersial, Alam Mesra lebuh raya Sulaman Coastal.

Menggunakan teknologi mesra alam, projek ini terdiri daripada sebuah menara pejabat enam tingkat, hotel 95 bilik dan kolam renang, menara pangaspuri dengan 160 unit rumah, pusat perubatan pakar dengan 100 katil, galeri pameran, satu mini-teater dan tapak-tapak komersil serta kemudahan lain.

UIP kelak mampu memuatkan seramai 2,000 orang termasuk pelajar dan kakitangan dan bakal menyumbangkan sebanyak 60 peratus pendapatan kepada UMS secara beransur-ansur.

## UMSLINK DAN TAS ACADEMY

Seramai 150 graduan Pusat Pembangunan Profesional UMS Link (UCPD) menerima diploma dan sijil masing-masing bagi Diploma Pengurusan Masjid, Certificate in Paralegal Studies dan Sijil Program Asas Pelajar Antarabangsa atau International Student Foundation Programme (ISFP).

Sementara itu, 45 graduan pertama TAS Academy menerima Diploma Lanjutan dari Business and Technician Council (BTEC) of United Kingdom pada November lepas.

Merupakan inisiatif UMS Link Holdings Sdn Bhd dan dikendalikan bersama UMS LinkSilver KrisSdn Bhd, penubuhan TAS Academy dan UCPD amat signifikan untuk melahirkan modal insan berkualiti dalam merangsang perkembangan industri minyak dan gas terutamanya di Sabah.

Dengan berlalunya 2011, tahun 2012 sebenarnya menanti dengan lebih banyak cabaran untuk universiti ini terus cemerlang bukan sahaja di mata masyarakat, malah dalam diari kewujudan universiti yang kini mempunyai kira-kira 17 ribu pelajar itu.

Sebagai universiti awam yang komited membuka peluang seluas mungkin untuk anak tempatan tanpa melupakan persaingan antarabangsa, kewujudan universiti ini diharap dapat memberikan manfaat sebanyak mungkin kepada penduduk Sabah, terutamanya dari aspek kecemerlangan modal insan, selaras motto universiti itu ‘Bertekad Cemerlang’.



SEDA BERKHIDMAT ... Pusat Perubatan Desa UMS di Sikuati, Kudat.